

KARNIVAL UTHM BERSAMA KARANGKRAF

Karnival
Homecoming Annual
UTHM

Karangkraf sumbang bahan bacaan

UTHM harap kerjasama diteruskan pada masa akan datang



Wakil HSNI Batu Pahat menerima simbolik sumbangan bahan bacaan daripada Karangkraf.

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT – Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf) sekali lagi melakar sejarah apabila memberi sumbangan bahan bacaan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan tiga sekolah di sekitar Parit Raja, Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) dan Asrama Anak Yatim Batu Pahat.

Sumbangan diberikan sempena perasmian Karnival Home Coming Alumni UTHM bersama Karangkraf, yang berlangsung di UTHM bermula 6 hingga 8 Disember ini.

Pengurus Tugas-Tugas Khas Karangkraf, Hashim Anang berkata, sumbangan itu merupakan salah satu khidmat komuniti sosial (CSR) Karangkraf yang dilakukan secara berterusan.

Katanya, sumbangan bahan bacaan diberikan bagi memupuk minat membaca di kalangan masyarakat dari

bangku persekolahan, pusat pengajian tinggi mahu pun di tempat awam.

Sempena karnival yang diadakan bersama UTHM ini, enam agensi menerima bahan bacaan iaitu UTHM, yang mana bahan bacaan berkenaan akan diletakkan di Perpustakaan Tun Aminah UTHM.

Tiga sekolah di sekitar Parit Raja turut menerima sumbangan iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Paya Parit Raja, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kong Nam dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sri Gading.

"Kami turut memilih Asrama Anak Yatim Batu Pahat untuk menerima sumbangan, selain memupuk minat membaca di kalangan umum, kami juga menyumbang bahan bacaan di HSNI," katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM, Prof Dr Ir Amir Hashim Mohd Kassim, Pengarah Pusat

Kemajuan dan Hubungan Alumni UTHM, Dr Mohammad Fahmi Abdul Ghaffir dan Pengurus Besar Grup Buku Karangkraf, Sri Diah.

Sementara itu, sempena perasmian karnival, turut diadakan Forum Bicara Cinta Anak Muda yang menampilkan Anna Rafalli, pembaca berita TV3, Helmi Yusuf dan penulis buku *Takluk Hati Pasangan*, Prof Madya Dr Mohd Nor Mamat.

Sementara itu, Amir Hashim berkata, kerjasama penganjuran karnival ini merupakan kolaborasi yang bijak kerana menyatukan dua organisasi yang mempunyai kaitan dengan ilmu.

Katanya, pihak UTHM berharap kerjasama bersama Karangkraf yang masuk kali keempat ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Kami harap kerjasama yang terjalin ini tidak terhenti dan akan diadakan setiap tahun dan setiap kali Alumni menjalankan program, kami berbesar hati bekerjasama," katanya.



Sebahagian penulis novel terbitan Karangkraf menemui peminat di karnival yang diadakan di UTHM.



Bicara Cinta Anak Muda antara yang menjadi tarikan di Karnival Home Coming Alumni UTHM bersama Karangkraf.



Sebahagian Alumni UTHM yang mendaftar kehadiran.



Antara penuntut UTHM yang hadir menyaksikan perasmian karnival dan Bicara Cinta Anak Muda.



Sebahagian ahli jawatan kuasa pelaksana karnival.